



SURAT KELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL:

1/1991

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


KURNIA ELAUN KHAS

Menyusul kepada tujuan Surat Keliling Kementerian Kewangan Bil: 1/1987 dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengorniakan limpah perkenan bagi Kerajaan Baginda menambah dan memberikan pembayaran elaun-elaun khas bagi menampung perbelanjaan sara hidup seperti berikut:

- (a) Pegawai-Pegawai dan Kakitangan dalam Perkhidmatan Awam yang berjawatan Tetap, yang dilantik dalam jawatan Sebulan Ke Sebulan, yang di dalam Open Vote, yang Bergaji Hari; dan dalam perkhidmatan Berkontrek yang gaji kontrek masing-masing tidak melebihi \$2,970 sebulan:

	LAMA (sebulan)	BARU (sebulan)
(i) Bahagian II	\$100	\$150
(ii) Bahagian III	100	170
(iii) Bahagian IV & Kebawah	100	200

KKP



- 2 -


- (b) Pegawai-Pegawai dan Kakitangan dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Bomba dan Jabatan Penjara yang sudah menerima Elaun "P":

	LAMA (sebulan)	BARU (sebulan)
(i) Bahagian II	-	\$50
(ii) Bahagian III	-	70
(iii) Bahagian IV & Ke Bawah	-	100

2. Penambahan dan pemberian elaun-elaun ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Mei 1991.

3. Surat Keliling Kementerian Kewangan Bil: 1/1987 adalah dengan ini dibatalkan dan diganti dengan surat keliling ini.

4. Garis pandu mengikut Surat Keliling - Surat Keliling Jabatan Perbendaharaan Bil: 10/1987 bertarikh 4 Ogos 1987 dan Bil: 15/1987 bertarikh 12 Oktober 1987 adalah masih lagi berkenaan.


(Dato Seri Laila Jasa
Haji Abdul Rahman Haji Abdul Karim)
Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: KKW/00/15/I
Tarikh: 18 Mei 1991